

**Asia Boleh Teroka Kaedah Tingkat Sumbangan Kepada Keselamatan Global, Kata Najib  
Bernama  
Mei 22, 2014  
Oleh Azlina Aziz**

TOKYO, 22 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yakin Asia boleh mengenal pasti cara-cara untuk memberi sumbangan yang lebih besar kepada cabaran keselamatan global.

Beliau berkata Asean telah menerima pakai perjanjian komprehensif, Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara.

"Kita juga perlu menjalankan usaha bersepadu untuk melaksanakan dan menguatkuasakan kawalan perdagangan strategik untuk mengurangkan risiko barang dwiguna," kata Najib kepada para pemimpin politik, ahli ekonomi dan ketua-ketua industri di Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-20 mengenai Masa Depan Asia di sini Khamis.

Bertemakan "Kebangkitan Asia: Mesej Untuk 20 tahun Akan Datang", persidangan berprestij itu anjuran kumpulan media antarabangsa, Nikkei Inc, Jepun.

Ini adalah penampilan kedua Najib sebagai penceramah utama di Persidangan Nikkei ini selepas muncul pertama kalinya pada edisi ke-17 pada 2011.

Turut hadir pada majlis itu ialah Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Nikkei Inc, Tsuneo Kita.

"Perjanjian serantau kita mengenai lanun juga disebut sebagai contoh kerjasama serantau oleh Pertubuhan Maritim Antarabangsa, yang akan dilaksanakan di tempat lain," kata Najib.

Beliau berkata prinsip yang sama dalam perkongsian maklumat dan pembinaan kapasiti juga boleh digunakan bagi inisiatif antikeganasan, yang walaupun menunjukkan beberapa kejayaan, ada kalanya kurang penyelarasan yang diperlukan untuk benar-benar serantau.

Mengenai resolusi menjaga keamanan dan konflik, negara-negara Asia meningkatkan penglibatan mereka dalam mempromosikan keamanan global.

Beliau berkata Malaysia telah memainkan peranan aktif dalam menyelesaikan konflik serantau, dan membida kerusi tetap di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi tempoh 2015-2016.

Najib berkata Jepun telah menjadikan pembinaan keamanan sebagai keutamaan diplomatik penting dan Korea Selatan meningkatkan usaha menjaga keamanan dan pasca

konflik, dengan banyak negara Asean seperti Vietnam yang akan menyertai operasi PBB tahun depan, meninjau untuk memainkan peranan lebih aktif.

Beliau mengulangi bahawa bagi Asia untuk terus makmur dalam persekitaran keselamatan global yang stabil, mesti memainkan peranannya bukan sahaja dalam penguatkuasaan norma-norma antarabangsa, tetapi dalam penciptaan mereka juga.

"Dengan keberanian dan pandangan jauh, bagaimanapun, kita boleh menyampaikan masa depan ekonomi yang lebih kukuh untuk Asia. Tetapi, masa depan ini tidak akan terjamin melainkan kita menyediakan keselamatan dan kestabilan yang bergantung kejayaan ekonomi," kata Najib.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1040317>